



شجابه فغاره تانه دان كالمين ترغكانو.
**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
TERENGGANU,**

TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,
20576 KUALA TERENGGANU

Telefon : 09-6231957 samb. 6335 - 6343 Fax.: 09-6229887
6411 - 6424



PTG.TR.G/05/1988/06/04(23)

9 JUN 2009

15 J'AKHIR 1430H

Pentadbir Tanah
KUALA TERENGGANU

Pentadbir Tanah
KEMAMAN

Pentadbir Tanah
DUNGUN

Pentadbir Tanah
BESUT

Pentadbir Tanah
HULU TERENGGANU

Pentadbir Tanah
MARANG

Pentadbir Tanah
SETIU

YBhg Dato'/Tuan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL 2/2009

Kadar Bayaran Lesen Menduduki Sementara Perusahaan Pasir Sungai dan Pasir Lombong

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu yang bermesyuarat pada 24 September 2008 kali ke-24 Tahun 2008 sebagaimana Para 118.3 bersetuju dan mengesahkan Peringatan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Menimbang Permohonan Menjalankan Perusahaan Berasaskan Kayu dan Perusahaan Lain Bilangan 4/2008.

2. Peringatan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Menimbang Permohonan Menjalankan Perusahaan Berasaskan Kayu dan Perusahaan Lain Bilangan 4/2008 sebagaimana para 4.1 bersetuju agar bayaran untuk Lesen Menduduki Sementara untuk perusahaan pasir dinaikkan dari RM500.00/hektar setahun kepada RM1000.00/hektar setahun.



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2000 NO SUJIL: AJAMY08/1232


3. Berdasarkan kepada Peraturan 19, Peraturan-Peraturan Tanah Terengganu, 1966, Pihak Berkuasa Negeri boleh menetapkan kadar bayaran yang bersesuaian dan difikirkan wajar pada keadaan-keadaan tertentu. Oleh itu semua Pejabat-Pejabat Tanah hendaklah semasa membuat pengesyoran bagi kertas kerja untuk perusahaan pasir dengan kadar baru iaitu sebanyak RM1000.00 sehektar atau sebahagiannya.

4. Arahan ini hendaklah diterimapakai dan berkuatkuasa dengan serta merta mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"MERAKYATKAN PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN ISMAIL)

Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu

s.k:

1. Yang Berhormat, Setiausaha Kerajaan Terengganu
2. Yang Berhormat, Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu
3. Pengarah, Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu
4. Semua Timbalan Pengarah Tanah dan Galian
5. Semua Penolong Pengarah Tanah dan Galian
6. Pegawai Sistem Maklumat
7. Pegawai Kanan Petempatan
9. Pembantu Tadbir (Pelupusan) PTG
10. Fail timbul